



KEMENTERIAN KEWANGAN



Belanjawan 2024

**MALAYSIA
MADANI**

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN

2024

E K O N O M I M A D A N I : M E M P E R K A S A R A K Y A T



MALAYSIA

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2024

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**



**ANGGARAN PERBELANJAAN
PERSEKUTUAN 2024**
(13 Oktober 2023 jam 4.00 petang)

© Hak Cipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Pengarah Belanjawan Negara,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 6, Blok Utara,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya
Tel : 03-8882 6838

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun.

Naskhah ini boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berteraskan iltizam Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat bagi semua kementerian dan jabatan membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2024.

Belanjawan MADANI Kedua (2024) merupakan kesinambungan usaha Kerajaan yang berterusan dalam mengangkat semula darjat dan martabat Negara Malaysia. Belanjawan 2024 akan menjadi langkah pertama yang menyusul Kerangka Ekonomi MADANI selain merealisasikan sasaran yang digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

Bagi memastikan proses penyediaan Belanjawan 2024 lebih menyeluruh dan terangkum, Kementerian Kewangan telah mengadakan pelbagai sesi libat urus termasuk jelajah ke negeri-negeri untuk menghimpunkan pandangan daripada pelbagai pihak mewakili kementerian, persatuan, dewan perniagaan, pakar ekonomi, ilmuan, teknokrat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan antarabangsa dan juga orang awam. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengadakan beberapa sesi dialog bagi membincangkan isu-isu kritikal serta mendapatkan cadangan dan input penting dalam menghayati denyut nadi dan aspirasi rakyat. Sebagai salah satu usaha Kerajaan dalam menjadikan proses penyediaan belanjawan tahunan yang lebih telus dan terbuka, Portal Cadangan Belanjawan 2024 juga disediakan sebagai medium untuk mendapatkan pandangan daripada segenap lapisan masyarakat.

Antara cadangan yang diambil kira termasuklah berkaitan aspek tatakelola dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, penyelenggaraan kemudahan awam, pembasmian kemiskinan tegar, kos sara hidup, keterjaminan makanan serta pengupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Cadangan-cadangan ini telah diperhalusi dan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada ikhtiar di bawah Belanjawan 2024.

Kerajaan beriltizam untuk merealisasikan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat melalui penstrukturan semula ekonomi supaya negara dapat kembali menjadi jaguh serantau. Dengan demikian, hasil yang diraih daripada lonjakan ekonomi, dapat disalurkan untuk mengangkat darjat hidup rakyat ke tahap lebih tinggi serta sejahtera berlandaskan prinsip keadilan dan peluang yang saksama buat semua. Dalam menjayakan Ekonomi MADANI, Kerajaan juga akan memastikan pengamalan tatakelola terbaik serta penyampaian perkhidmatan yang tangkas, efisien dan mesra rakyat.

Dukungan, kepercayaan dan kerjasama semua pihak terhadap ikhtiar Kerajaan amatlah mustahak bagi melancarkan pelaksanaan segala yang dirancang. Saya amat yakin bahawa maklumat yang terkandung dalam buku ini telah menggariskan hala tuju dengan jelas untuk kementerian serta agensi melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2024.

ANWAR IBRAHIM
13 Oktober 2023

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2024

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS:

(a)	Perbelanjaan Tanggungan	RM	89,245,735,700	
(b)	Perbelanjaan Bekalan	RM	<u>214,554,264,300</u>	
				RM 303,800,000,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:

(a)	Cara Langsung	RM	88,990,054,000	
(b)	Pinjaman	RM	1,009,946,000	
(c)	Simpanan Luar Jangka	RM	<u>2,000,000,000</u>	
				RM 92,000,000,000
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN			RM 395,800,000,000

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Prakata	iii
Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	v
Kandungan	vii
Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	1
Ringkasan Perbelanjaan Sebenar dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan	21

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN SERTA PROGRAM DAN PRESTASI 2024

T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	37
T.2	Elaun-elaun Diraja	38
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	39
T.4	Ketua Audit Negara	41
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	42
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	43
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	44
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	45
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	46
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	47
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	48
T.12	Perbendaharaan	49
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	52
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	54
B.1	PARLIMEN MALAYSIA	61
B.2	PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA	65
B.3	JABATAN AUDIT NEGARA	69
B.4	SURUHANJAYA PILIHAN RAYA	75
B.5	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	81
B/P.6	JABATAN PERDANA MENTERI	89

KANDUNGAN							MUKA SURAT
B/P.7	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	111
B.8	JABATAN PEGUAM NEGARA	121
B.9	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA	131
KEMENTERIAN KEWANGAN							
B/P.10	Perbendaharaan	143
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	157
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	161
B/P.13	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	167
B/P.14	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	181
B/P.15	KEMENTERIAN EKONOMI	189
B/P.20	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	199
B/P.21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	207
B/P.22	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	223
B/P.23	KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	239
B/P.24	KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	261
B/P.25	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	275
B/P.26	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	287
B/P.27	KEMENTERIAN KERJA RAYA	297
B/P.28	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	311
B/P.30	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	323
B/P.31	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA	335
B.40	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	347
B/P.42	KEMENTERIAN KESIHATAN	353

KANDUNGAN

MUKA SURAT

B/P.43	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN	375
B/P.45	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	387
B/P.46	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	397
B/P.47	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL	407
B/P.48	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	421
B/P.60	KEMENTERIAN PERTAHANAN	431
B/P.62	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	441
B/P.63	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	455
B/P.64	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	471
P.70	SIMPANAN LUAR JANGKA	485

LAMPIRAN

A	Kumpulan Wang Pembangunan 2023 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	488
B	Kumpulan Wang Pembangunan 2024 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024	489
C	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 Mengikut Objek Sebagai dan Am	491
C-1	Butir-butir Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024	492
D	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2024	502
E	Pemberian Sebenar Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2022	503
F	Jadual Butiran Tahun 2023 Yang Dimansuhkan Daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2024	504

(Muka surat ini dibiarkan kosong)


Pengenalan

Buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2024 mengandungi penyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2024.

Peruntukan 2024: Agihan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan

Sejumlah RM395.80 bilion diperakukan di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2024. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM7.66 bilion berbanding Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang dibentangkan pada 24 Februari 2023 bernilai RM388.14 bilion. Bahagian terbesar perbelanjaan berkenaan adalah di bawah Perbelanjaan Bekalan mengambil kira tumpuan utama Belanjawan 2024 iaitu penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Perbelanjaan Bekalan merupakan antara input utama Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2024 berjumlah RM214.55 bilion (54.2%), manakala Perbelanjaan Tanggungan yang merupakan kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan berjumlah RM89.25 bilion (22.6%). Perbelanjaan Pembangunan yang akan menjadi penggerak kepada memperkukuh momentum pemulihan ekonomi bagi tahun 2024 berjumlah RM92.00 bilion (23.2%).


Carta 1 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024



Peruntukan 2024: Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Sejumlah RM303.80 bilion diperuntukkan bagi tahun 2024 untuk menggerak dan melancarkan pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan. Perkhidmatan Awam merupakan input terpenting Kerajaan yang bertindak sebagai penggerak utama kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh yang demikian, emolumen Perkhidmatan Awam Persekutuan disediakan peruntukan sebanyak RM95.64 bilion bagi tahun 2024. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap disediakan peruntukan sebanyak RM167.57 bilion di bawah Perbelanjaan Mengurus.


Carta 2 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2024



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Mengurus dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Sektor-Sektor Lain yang terdiri daripada Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di Sektor Sosial. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada usaha dan tindakan meningkatkan tahap pendidikan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat.


Carta 3 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM13.00 bilion dengan agihan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 4**. Sub Sektor Perkhidmatan-perkhidmatan Am menerima agihan peruntukan tertinggi berjumlah RM11.20 bilion yang melibatkan anggaran peruntukan bagi tujuan penyelarasan, pengurusan dan pentadbiran. Peruntukan ini juga merangkumi perbelanjaan bagi keperluan kelengkapan bangunan bagi keperluan pengoperasian Kementerian/Jabatan.


Carta 4 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM21.43 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 5**. Sub Sektor Pengangkutan dipertanggungjawabkan dengan peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM7.13 bilion bagi perbelanjaan operasi yang melibatkan darat, laut dan udara. Hal ini adalah bertepatan dengan matlamat negara untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Selain itu, Sub Sektor Pertanian merupakan antara penerima peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM4.32 bilion selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan yang mampan. Kerajaan juga akan menggalakkan pengeluaran produk-produk berasaskan pertanian yang bermutu dan bernilai tinggi bagi peluasan industri sokongan kepada sektor ekonomi secara keseluruhannya.

Carta 5 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Ekonomi



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM121.33 bilion dan melibatkan pengagihan kepada lapan Sub Sektor seperti di **Carta 6**. Pembangunan modal insan pada semua peringkat merupakan tumpuan utama Kerajaan dalam setiap rancangan pembangunan negara dan ini diterjemahkan melalui pengagihan peruntukan terbesar di bawah Sub Sektor

Pelajaran dan Latihan dengan peruntukan berjumlah RM65.17 bilion. Kerajaan memberi penekanan kepada kepentingan akses sejagat untuk pendidikan berkualiti dengan memberi peningkatan tumpuan kepada pendidikan bakat untuk persiapan masa hadapan. Selain itu, Kerajaan masih kekal memberikan tumpuan kepada aspek kesihatan rakyat dengan memberikan perkhidmatan terbaik dan mudahcapai dengan kos yang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan memperuntukkan Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan dengan peruntukan mengurus berjumlah RM35.48 bilion, iaitu peruntukan kedua tertinggi di bawah Sektor Sosial. Hal ini adalah bertepatan dengan fokus Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti bagi menjamin kesejahteraan rakyat.


Carta 6 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM27.59 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor iaitu Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM14.89 bilion dan Pertahanan RM12.70 bilion seperti di **Carta 7**. Peruntukan bagi Sektor Keselamatan bertepatan dengan peranan Kerajaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan demi memelihara nyawa dan keamanan negara sentiasa terjamin.


Carta 7 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Keselamatan



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Mengikut Sektor-Sektor Lain


Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang disediakan untuk Sektor Tanggungan Tertentu dan Sektor Bayaran Pindahan berjumlah RM120.45 bilion seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**. Sektor Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM82.56 bilion. Sub Sektor Perbelanjaan Kerana Hutang Negara menerima agihan peruntukan terbesar berjumlah RM49.80 bilion. Bahagian kedua terbesar ialah bagi Sub Sektor Pencen dan Ganjaran berjumlah RM32.53 bilion.

Carta 8 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Tanggungan Tertentu



Sektor Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM37.89 bilion dan diagihkan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 9**. Sub Sektor Bayaran Pindahan Lain menerima peruntukan tertinggi iaitu berjumlah RM34.43 bilion di mana pembayaran bagi menampung subsidi antaranya subsidi produk petroleum.


Carta 9 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2024 Sektor Bayaran Pindahan



Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2020-2024

Bagi tempoh 2020-2024, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) menunjukkan perubahan yang signifikan di antara 2020 hingga 2023 dan terus meningkat pada tahun 2024 seperti **Carta 10**.

Carta 10 : Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2020-2024




Nota: 2020-2022 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2023-2024 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Mengurus 2020-2024 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2020-2024, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu secara purata sebanyak 39.8% diikuti oleh Sektor Tanggungan Tertentu sebanyak 28.2%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di **Carta 11**.

Carta 11 : Peratus Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020-2024 Mengikut Sektor




Nota: 2020-2022 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2023-2024 merujuk kepada peruntukan asal

Peruntukan 2024: Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Sejumlah RM92.00 bilion diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2024. Pecahan utama Anggaran Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di **Carta 12**.


Carta 12 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Pembangunan dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Simpanan Luar Jangka (seperti di **Carta 13**). Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di bawah Sektor Ekonomi bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti melalui pelbagai projek yang sedang dan akan dilaksanakan sekaligus memperkukuh daya tahan ekonomi negara. Belanjawan 2024 akan terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembaharuan ekonomi yang menyokong pertumbuhan.


Carta 13 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM3.90 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 14**. Sub Sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Am menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM2.98 bilion bagi membiayai projek-projek pengkomputeran dan naik taraf bangunan di Kementerian/Jabatan agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan lebih cekap dan teratur.


Carta 14 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM45.23 bilion dengan agihan kepada 10 Sub Sektor seperti di **Carta 15**. Kerajaan masih memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan pengangkutan seperti lebuh raya dan pembinaan landasan kereta api dengan peruntukan sebanyak RM19.13 bilion diikuti dengan Sub Sektor Kewangan sebanyak RM10.43 bilion.


Carta 15 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Sektor Ekonomi



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM28.32 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 16**. Sub Sektor Pelajaran dan Latihan menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM14.27 bilion selaras dengan tumpuan Kerajaan kepada pembangunan modal insan. Selain itu, Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan turut menjadi tumpuan Kerajaan dengan agihan peruntukan berjumlah RM6.14 bilion. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dalam meningkatkan perkhidmatan sektor kesihatan memandangkan ianya berurusan secara langsung kepada rakyat.


Carta 16 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM12.55 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 17**. Sub Sektor Pertahanan menerima peruntukan berjumlah RM7.42 bilion melibatkan projek penyenggaraan berskala besar aset ketenteraan dan perolehan aset ketenteraan. Sub Sektor Keselamatan Dalam Negeri menerima peruntukan bagi membiayai projek-projek antaranya di bawah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Carta 17 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 Sektor Keselamatan



Simpanan Luar Jangka

Baki Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM2.00 bilion disediakan di bawah peruntukan Simpanan Luar Jangka bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.


Komitmen Jaminan dan Liabiliti Kerajaan

Daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah RM395.80 bilion, sebanyak RM24.79 bilion diperuntukkan bagi membiayai komitmen jaminan dan liabiliti Kerajaan yang merangkumi bayaran *Public Private Partnership*-Unit Kerjasama Awam Swasta (PPP-UKAS) dan bayaran pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2020-2024

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh 2020-2024 meningkat berdasarkan kepada trend pelaksanaan projek/program bagi tahun 2020-2024 seperti di **Carta 18**.

Carta 18 : Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2020-2024




Nota: 2020-2022 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2023-2024 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Pembangunan 2020-2024 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2020-2024, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua sektor iaitu Sektor Ekonomi dan Sektor Sosial. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan memperkukuh momentum pemulihan ekonomi, memperkukuh agenda pembangunan mampan serta mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik.

Carta 19 : Peratus Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020-2024 Mengikut Sektor



Nota: 2020-2022 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2023-2024 merujuk kepada peruntukan asal

Pemetaan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*)

Dalam memastikan proses pelaksanaan SDG dilaksanakan dengan jayanya, Kerajaan meneruskan pemetaan peruntukan Belanjawan 2024 mengikut SDG. Hal ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memantau pencapaian dan mengenal pasti jurang pembiayaan mengikut SDG selain membantu pencapaian kemajuan Malaysia dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030. Merujuk kepada **Jadual 1**, hampir keseluruhan SDG menerima peningkatan peruntukan pada tahun 2024.


Jadual 1 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Mengikut SDG

SDG		2023	2024		
		Peruntukan Asal (RM bilion)	Syor (RM bilion)	Bahagian (%)	Perubahan (%)
Matlamat 1	Tiada Kemiskinan	8.2	8.9	2.3	8.5
Matlamat 2	Kebuluran Sifar	5.3	7.6	1.9	43.4
Matlamat 3	Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	43.4	45.3	11.5	4.4
Matlamat 4	Pendidikan Berkualiti	79.4	82.7	21.0	4.2
Matlamat 5	Kesaksamaan Gender	3.0	3.3	0.8	10.0
Matlamat 6	Air Bersih dan Sanitasi	5.6	7.6	1.9	35.7
Matlamat 7	Tenaga Mampu Bayar dan Bersih	3.8	4.2	1.1	10.5
Matlamat 8	Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi	38.3	30.1	7.6	(21.4)
Matlamat 9	Industri, Inovasi dan Infrastruktur	33.3	34.7	8.8	4.2
Matlamat 10	Pengurangan dan Ketidaksamarataan	51.2	44.7	11.3	(12.7)
Matlamat 11	Bandar dan Komuniti Mampan	24.0	25.0	6.4	4.2
Matlamat 12	Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	4.9	3.5	0.9	(28.6)
Matlamat 13	Tindakan Iklim	3.8	4.6	1.2	21.1
Matlamat 14	Hidupan Dalam Air	3.2	3.5	0.9	9.4
Matlamat 15	Hidupan di Daratan	3.9	4.4	1.1	12.8
Matlamat 16	Keselamatan, Keadilan dan Keutuhan Institusi	69.9	78.2	19.9	11.9
Matlamat 17	Kerjasama Demi Matlamat	4.9	5.5	1.4	12.2
JUMLAH KESELURUHAN		386.1	393.8	100.0	2.0

Berdasarkan **Carta 20** pula, agihan terbesar bagi Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2024 mengikut pemetaan SDG adalah kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) sebanyak 21% daripada keseluruhan peruntukan, diikuti dengan SDG 16 (Keselamatan, Keadilan dan Keutuhan Institusi) sebanyak 19.9% dan SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik) sebanyak 11.5%. Peruntukan yang tinggi bagi ketiga-tiga SDG ini lebih tertumpu kepada menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti bagi memastikan pembelajaran yang berkesan dengan menyediakan kemahiran dan pengetahuan agar dapat memenuhi aspirasi negara untuk menghasilkan peningkatan daripada segi sosial, ekonomi dan kesihatan seluruh rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk mewujudkan

kemudahan asas pembelajaran di setiap peringkat pendidikan sama ada sekolah rendah, menengah ataupun universiti. Selain itu, Kerajaan turut mengutamakan kemampuan sistem kesihatan bagi menjamin kesejahteraan rakyat yang hakiki dengan penekanan kepada menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara.

Carta 20 : Agihan Anggaran Peruntukan 2023 dan 2024 Mengikut SDG




Nota: Tidak termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2.0 bilion

Sepertimana komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus serta tatakelola yang baik, Kerajaan akan menstruktur semula ekonomi negara berlandaskan kepada tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penyusunan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia Madani.

Anggaran Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2024

Pemberian dan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi 13 jenis pemberian dan bantuan yang dianggarkan berjumlah RM8.62 bilion bagi tahun 2024, meningkat sebanyak 3.1% berbanding tahun 2023 (RM8.36 bilion).

Carta 21 : Agihan Anggaran Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2024



(Muka surat ini dibiarkan kosong)

**RINGKASAN
PERBELANJAAN SEBENAR
DAN ANGGARAN
PERBELANJAAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenarnya 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenarnya 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
T.1 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang di-Pertuan Agong -				
Emolumen	7,602,000	7,601,718	6,000,000	7,602,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	5,930,957	5,930,921	7,533,000	5,931,000
Jumlah ..	13,532,957	13,532,639	13,533,000	13,533,000
T.2 Elaun-elaun Diraja -				
Emolumen	1,246,090	1,246,090	1,337,000	1,337,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	0	0
Jumlah ..	1,246,090	1,246,090	1,337,000	1,337,000
T.3 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim -				
Emolumen	81,933,428	84,766,361	89,694,000	89,973,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	15,815,932	23,424,616	25,306,000	30,027,000
Jumlah ..	97,749,360	108,190,977	115,000,000	120,000,000
T.4 Ketua Audit Negara -				
Emolumen	482,337	476,903	478,100	482,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	147,804	262,645	422,300	417,800
Jumlah ..	630,141	739,548	900,400	900,400
T.5 Yang di-Pertua Dewan Rakyat -				
Emolumen	1,054,287	497,696	564,000	564,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	390,970	0	0	0
Jumlah ..	1,445,257	497,696	564,000	564,000
T.6 Yang di-Pertua Dewan Negara -				
Emolumen	1,014,585	503,612	504,000	504,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	240,350	0	0	0
Jumlah ..	1,254,935	503,612	504,000	504,000
T.7 Suruhanjaya Pilihan Raya -				
Emolumen	2,250,084	2,214,593	2,250,100	2,245,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	235,006	215,200	378,800
Jumlah ..	2,250,084	2,449,599	2,465,300	2,623,900
T.8 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan -				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	10,100	8,600	11,600	11,600
Jumlah ..	10,100	8,600	11,600	11,600
T.9 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam -				
Emolumen	4,262,119	4,095,642	4,279,900	4,505,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	403,422	1,832,122	2,011,700	1,785,700
Jumlah ..	4,665,541	5,927,764	6,291,600	6,291,600

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
T.10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan -				
Emolumen	3,931,651	4,016,003	4,070,900	4,059,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	611,119	1,187,328	1,183,600	1,186,100
Jumlah ..	4,542,770	5,203,331	5,254,500	5,245,500
T.11 Suruhanjaya Pasukan Polis -				
Emolumen	1,299,403	1,424,733	1,518,900	1,518,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	238,029	222,161	613,300	483,300
Jumlah ..	1,537,432	1,646,894	2,132,200	2,002,100
T.12 Perbendaharaan -				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	6,215,534,121	6,755,254,015	6,644,653,100	7,292,722,600
Jumlah ..	6,215,534,121	6,755,254,015	6,644,653,100	7,292,722,600
T.13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara -				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	38,069,066,870	41,268,936,922	46,100,000,000	49,800,000,000
Jumlah ..	38,069,066,870	41,268,936,922	46,100,000,000	49,800,000,000
T.14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran -				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	28,037,451,484	30,260,472,195	30,500,000,000	32,000,000,000
Jumlah ..	28,037,451,484	30,260,472,195	30,500,000,000	32,000,000,000
Ringkasan Maksud Tanggungan				
Emolumen	105,075,984	106,843,351	110,696,900	112,791,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	72,345,841,158	78,317,766,531	83,281,949,800	89,132,943,900
Jumlah Maksud Tanggungan	72,450,917,142	78,424,609,882	83,392,646,700	89,245,735,700

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenarnya 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenarnya 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
B.1				
Parlimen Malaysia - Mengurus	133,721,052	129,817,806	166,731,200	167,800,200
Emolumen	94,558,797	85,594,140	99,195,700	104,149,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	39,162,255	44,223,666	67,535,500	63,650,800
Jumlah ..	133,721,052	129,817,806	166,731,200	167,800,200
B.2				
Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja - Mengurus	1,950,307	2,212,056	3,604,700	3,604,700
Emolumen	1,067,114	1,090,231	1,133,400	1,266,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	883,193	1,121,825	2,471,300	2,338,700
Jumlah ..	1,950,307	2,212,056	3,604,700	3,604,700
B.3				
Jabatan Audit Negara - Mengurus	142,060,485	151,537,543	160,837,500	166,701,600
Emolumen	114,979,241	117,171,476	122,939,900	125,722,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	27,081,244	34,366,067	37,897,600	40,979,100
Jumlah ..	142,060,485	151,537,543	160,837,500	166,701,600
B.4				
Suruhanjaya Pilihan Raya - Mengurus	267,720,359	267,421,527	65,543,300	64,333,500
Emolumen	38,738,325	43,231,126	40,230,500	41,936,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	228,982,034	224,190,401	25,312,800	22,396,900
Jumlah ..	267,720,359	267,421,527	65,543,300	64,333,500
B.5				
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam - Mengurus	34,077,757	39,145,703	42,380,200	45,076,500
Emolumen	23,761,028	24,502,033	25,311,600	26,568,200
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	10,316,729	14,643,670	17,068,600	18,508,300
Jumlah ..	34,077,757	39,145,703	42,380,200	45,076,500
JABATAN PERDANA MENTERI				
B.6				
Jabatan Perdana Menteri - Mengurus	4,110,051,455	4,469,844,057	4,333,910,300	4,964,571,000
Emolumen	1,272,855,001	1,318,326,735	1,170,470,900	1,224,506,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,837,196,454	3,151,517,322	3,163,439,400	3,740,064,500
P.6				
Pembangunan	5,890,200,634	6,189,564,488	7,488,334,100	7,085,882,300
Cara Langsung	5,888,580,609	5,966,137,217	7,428,334,100	7,025,882,300
Pinjaman	1,620,025	223,427,271	60,000,000	60,000,000
Jumlah Jabatan Perdana Menteri	10,000,252,089	10,659,408,545	11,822,244,400	12,050,453,300
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM				
B.7				
Jabatan Perkhidmatan Awam - Mengurus	905,925,532	466,501,068	471,501,600	479,500,000
Emolumen	242,327,556	244,889,522	263,577,000	265,435,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	663,597,976	221,611,546	207,924,600	214,065,000

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
P.7 Pembangunan	853,720,488	852,267,684	1,003,350,000	1,138,426,800
Cara Langsung	853,720,488	852,267,684	1,003,350,000	1,138,426,800
Jumlah Jabatan Perkhidmatan Awam	1,759,646,020	1,318,768,752	1,474,851,600	1,617,926,800
B.8 Jabatan Peguam Negara - Mengurus	164,256,314	182,181,165	198,343,100	241,567,100
Emolumen	133,564,954	139,733,974	149,102,800	155,236,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	30,691,360	42,447,191	49,240,300	86,330,500
Jumlah ..	164,256,314	182,181,165	198,343,100	241,567,100
B.9 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia - Mengurus	272,153,032	288,816,264	312,415,600	313,000,600
Emolumen	195,926,879	203,910,746	220,381,200	230,802,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	76,226,153	84,905,518	92,034,400	82,197,700
Jumlah ..	272,153,032	288,816,264	312,415,600	313,000,600
KEMENTERIAN KEWANGAN				
B.10 Perbendaharaan - Mengurus	4,490,366,116	5,117,203,733	4,200,000,000	4,414,561,900
Emolumen	1,132,211,807	1,183,565,647	1,131,166,500	1,199,681,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,358,154,309	3,933,638,086	3,068,833,500	3,214,880,500
P.10 Pembangunan	12,912,106,548	19,902,241,165	24,082,396,800	12,594,013,800
Cara Langsung	12,912,106,548	19,902,241,165	24,082,396,800	12,594,013,800
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah ..	17,402,472,664	25,019,444,898	28,282,396,800	17,008,575,700
B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan - Mengurus	19,550,414,126	63,411,572,624	51,681,721,500	47,903,236,700
Emolumen	15,736,369	1,249,098,955	0	377,712,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	19,534,677,757	62,162,473,669	51,681,721,500	47,525,524,200
Jumlah ..	19,550,414,126	63,411,572,624	51,681,721,500	47,903,236,700
B.12 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun - Mengurus	4,724,034,117	3,620,878,105	1,443,074,500	1,660,700,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	4,724,034,117	3,620,878,105	1,443,074,500	1,660,700,400
Jumlah ..	4,724,034,117	3,620,878,105	1,443,074,500	1,660,700,400
Mengurus	28,764,814,359	72,149,654,462	57,324,796,000	53,978,499,000
Emolumen	1,147,948,176	2,432,664,602	1,131,166,500	1,577,393,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	27,616,866,183	69,716,989,860	56,193,629,500	52,401,105,100
Pembangunan	12,912,106,548	19,902,241,165	24,082,396,800	12,594,013,800
Cara Langsung	12,912,106,548	19,902,241,165	24,082,396,800	12,594,013,800
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah Kementerian Kewangan	41,676,920,907	92,051,895,627	81,407,192,800	66,572,512,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN LUAR NEGERI				
B.13 Kementerian Luar Negeri - Mengurus	660,490,312	739,912,054	809,613,800	916,848,600
Emolumen	345,932,468	357,238,517	402,830,200	424,171,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	314,557,844	382,673,537	406,783,600	492,677,600
P.13 Pembangunan	44,358,008	64,352,714	161,520,300	209,750,300
Cara Langsung	44,358,008	64,352,714	161,520,300	209,750,300
Jumlah Kementerian Luar Negeri	704,848,320	804,264,768	971,134,100	1,126,598,900
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA				
B.14 Kementerian Perpaduan Negara - Mengurus	319,326,612	353,625,908	541,595,300	547,590,900
Emolumen	121,797,178	124,213,283	197,954,200	201,245,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	197,529,434	229,412,625	343,641,100	346,345,900
P.14 Pembangunan	68,844,635	140,506,818	29,746,200	88,231,000
Cara Langsung	68,844,635	140,506,818	29,746,200	88,231,000
Jumlah Kementerian Perpaduan Negara	388,171,247	494,132,726	571,341,500	635,821,900
KEMENTERIAN EKONOMI*				
B.15 Kementerian Ekonomi - Mengurus	0	0	535,476,300	551,686,500
Emolumen	0	0	202,105,600	206,593,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	333,370,700	345,093,500
P.15 Pembangunan	0	0	4,200,854,700	2,959,298,300
Cara Langsung	0	0	4,040,854,700	2,936,124,300
Pinjaman	0	0	160,000,000	23,174,000
Jumlah Kementerian Ekonomi	0	0	4,736,331,000	3,510,984,800
KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI				
B.20 Kementerian Perladangan dan Komoditi - Mengurus	333,707,518	225,036,867	397,000,000	428,310,200
Emolumen	22,705,431	23,750,722	25,065,100	27,700,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	311,002,087	201,286,145	371,934,900	400,610,200
P.20 Pembangunan	203,375,027	138,478,279	274,697,000	304,396,900
Cara Langsung	153,375,027	138,478,279	224,697,000	254,396,900
Pinjaman	50,000,000	0	50,000,000	50,000,000
Jumlah Kementerian Perladangan dan Komoditi	537,082,545	363,515,146	671,697,000	732,707,100

* B/P.15 - Kementerian Ekonomi diwujudkan pada tahun 2023.

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

Maksud Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Anggaran	Anggaran
	Sebenar 2021	Sebenar 2022	Asal 2023	2024
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN				
B.21 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan - Mengurus	3,247,104,357	3,305,957,590	3,775,105,000	4,416,168,800
Emolumen	471,562,358	486,529,314	499,282,100	511,692,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,775,541,999	2,819,428,276	3,275,822,900	3,904,476,400
P.21 Pembangunan	1,322,157,180	1,324,016,283	1,619,107,300	1,754,514,300
Cara Langsung	1,262,157,180	1,124,016,283	1,455,107,300	1,694,514,300
Pinjaman	60,000,000	200,000,000	164,000,000	60,000,000
Jumlah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,569,261,537	4,629,973,873	5,394,212,300	6,170,683,100
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH				
B.22 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah - Mengurus	2,931,687,990	3,469,064,309	3,616,367,700	4,115,413,600
Emolumen	428,726,908	417,996,996	457,989,400	443,571,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,502,961,082	3,051,067,313	3,158,378,300	3,671,841,900
P.22 Pembangunan	5,305,459,327	6,920,397,903	7,424,419,200	7,439,174,800
Cara Langsung	4,896,525,077	6,618,769,778	7,366,019,200	7,372,144,800
Pinjaman	408,934,250	301,628,125	58,400,000	67,030,000
Jumlah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	8,237,147,317	10,389,462,212	11,040,786,900	11,554,588,400
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM				
B.23 Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim - Mengurus	1,043,916,435	1,111,897,323	1,674,694,400	1,702,499,200
Emolumen	453,087,995	470,493,811	776,074,700	800,266,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	590,828,440	641,403,512	898,619,700	902,233,200
P.23 Pembangunan	530,108,242	516,415,993	4,864,765,400	5,430,491,100
Cara Langsung	530,108,242	516,415,993	4,093,127,700	4,697,749,100
Pinjaman	0	0	771,637,700	732,742,000
Jumlah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	1,574,024,677	1,628,313,316	6,539,459,800	7,132,990,300
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI				
B.24 Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri - Mengurus	561,835,164	550,445,385	625,096,500	640,811,600
Emolumen	71,593,854	73,757,722	84,921,900	89,228,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	490,241,310	476,687,663	540,174,600	551,582,900
P.24 Pembangunan	536,669,753	626,723,755	960,450,000	1,310,902,500
Cara Langsung	517,530,566	601,256,522	938,950,000	1,293,902,500
Pinjaman	19,139,187	25,467,233	21,500,000	17,000,000
Jumlah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	1,098,504,917	1,177,169,140	1,585,546,500	1,951,714,100

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP				
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup - Mengurus			
	1,624,248,682	3,152,820,226	1,191,811,400	1,813,000,000
Emolumen	196,213,371	202,699,996	201,381,300	224,675,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,428,035,311	2,950,120,230	990,430,100	1,588,324,200
P.25	Pembangunan			
Cara Langsung	44,220,409	58,457,328	60,800,000	67,011,000
Pinjaman	0	0	0	0
	1,668,469,091	3,211,277,554	1,252,611,400	1,880,011,000
Jumlah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup				
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI				
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi - Mengurus			
	187,598,353	193,970,217	212,141,400	231,771,500
Emolumen	39,784,138	41,790,949	42,506,500	45,088,200
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	147,814,215	152,179,268	169,634,900	186,683,300
P.26	Pembangunan			
Cara Langsung	333,544,079	355,629,419	520,210,400	547,007,000
Pinjaman	0	0	0	0
	521,142,432	549,599,636	732,351,800	778,778,500
Jumlah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi				
KEMENTERIAN KERJA RAYA				
B.27	Kementerian Kerja Raya - Mengurus			
	866,482,739	820,449,684	865,271,900	949,372,700
Emolumen	594,493,438	613,442,114	617,451,400	640,763,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	271,989,301	207,007,570	247,820,500	308,608,800
P.27	Pembangunan			
Cara Langsung	4,787,529,248	5,329,457,925	7,573,788,300	8,561,817,900
Pinjaman	4,676,529,248	4,879,457,925	7,473,788,300	8,561,817,900
	111,000,000	450,000,000	100,000,000	0
	5,654,011,987	6,149,907,609	8,439,060,200	9,511,190,600
Jumlah Kementerian Kerja Raya				
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN				
B.28	Kementerian Pengangkutan - Mengurus			
	1,426,910,776	1,474,182,463	1,544,627,300	1,642,026,100
Emolumen	523,778,462	537,008,776	557,949,300	594,183,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	903,132,314	937,173,687	986,678,000	1,047,842,300
P.28	Pembangunan			
Cara Langsung	3,294,207,440	2,203,545,683	4,537,356,800	4,645,604,800
Pinjaman	0	0	0	0
	4,721,118,216	3,677,728,146	6,081,984,100	6,287,630,900
Jumlah Kementerian Pengangkutan				

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI				
B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi - Mengurus	510,193,880	520,275,109	673,501,200	705,625,500
Emolumen	192,215,049	185,926,875	227,343,500	234,234,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	317,978,831	334,348,234	446,157,700	471,391,400
P.30 Pembangunan	377,353,656	311,079,169	440,747,800	535,882,800
Cara Langsung	377,353,656	311,079,169	440,747,800	535,882,800
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	887,547,536	831,354,278	1,114,249,000	1,241,508,300
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA				
B.31 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya - Mengurus	652,312,889	923,694,380	837,175,600	933,539,300
Emolumen	159,581,411	164,834,703	90,471,400	95,110,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	492,731,478	758,859,677	746,704,200	838,428,600
P.31 Pembangunan	102,229,770	91,821,270	134,081,100	150,022,800
Cara Langsung	102,229,770	91,821,270	134,081,100	150,022,800
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	754,542,659	1,015,515,650	971,256,700	1,083,562,100
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN*				
B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan* - Mengurus	243,784,051	249,842,895	0	0
Emolumen	35,888,282	37,292,276	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	207,895,769	212,550,619	0	0
P.32 Pembangunan	404,277,602	319,165,081	0	0
Cara Langsung	404,277,602	319,165,081	0	0
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah Kementerian Wilayah Persekutuan	648,061,653	569,007,976	0	0
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**				
B.33 Kementerian Alam Sekitar dan Air** - Mengurus	546,967,589	564,904,143	0	0
Emolumen	278,028,724	286,220,531	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	268,938,865	278,683,612	0	0
P.33 Pembangunan	2,240,728,040	2,863,320,477	0	0
Cara Langsung	1,909,977,543	2,418,059,801	0	0
Pinjaman	330,750,497	445,260,676	0	0
Jumlah Kementerian Alam Sekitar dan Air	2,787,695,629	3,428,224,620	0	0

* Kementerian Wilayah Persekutuan dibubar dan dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2023.

** Kementerian Alam Sekitar dan Air dibubar dan dipindahkan kepada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada tahun 2023.

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
B.40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan - Mengurus	16,601,630	18,006,437	21,142,400	22,023,900
Emolumen	12,717,845	12,890,331	13,088,100	14,256,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,883,785	5,116,106	8,054,300	7,767,600
Jumlah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	16,601,630	18,006,437	21,142,400	22,023,900
KEMENTERIAN KESIHATAN				
B.42 Kementerian Kesihatan - Mengurus	24,650,345,113	28,705,509,220	31,500,000,000	35,150,181,800
Emolumen	18,042,216,133	17,405,555,693	19,725,512,300	21,753,736,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	6,608,128,980	11,299,953,527	11,774,487,700	13,396,445,500
P.42 Pembangunan Cara Langsung	8,597,548,827	4,336,611,301	4,827,355,900	6,067,634,700
	8,597,548,827	4,336,611,301	4,827,355,900	6,067,634,700
Jumlah Kementerian Kesihatan	33,247,893,940	33,042,120,521	36,327,355,900	41,217,816,500
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN				
B.43 Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan - Mengurus	1,742,678,864	1,764,119,741	1,774,905,500	1,868,236,300
Emolumen	839,399,948	866,658,630	885,372,300	908,294,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	903,278,916	897,461,111	889,533,200	959,941,600
P.43 Pembangunan Cara Langsung	2,951,295,211	3,235,586,935	3,558,827,300	3,778,802,300
	2,951,295,211	3,235,586,935	3,558,827,300	3,778,802,300
Pinjaman	0	0	0	0
Jumlah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	4,693,974,075	4,999,706,676	5,333,732,800	5,647,038,600
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN				
B.45 Kementerian Belia dan Sukan - Mengurus	500,714,132	603,298,756	621,098,300	632,722,100
Emolumen	211,030,744	217,552,885	221,995,800	229,477,200
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	289,683,388	385,745,871	399,102,500	403,244,900
P.45 Pembangunan Cara Langsung	230,303,499	264,515,934	423,401,200	491,833,500
	230,303,499	264,515,934	423,401,200	491,833,500
Jumlah Kementerian Belia dan Sukan	731,017,631	867,814,690	1,044,499,500	1,124,555,600
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA				
B.46 Kementerian Sumber Manusia - Mengurus	750,286,149	814,796,936	845,163,900	889,552,900
Emolumen	515,903,770	527,071,438	532,200,000	552,351,200
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	234,382,379	287,725,498	312,963,900	337,201,700
P.46 Pembangunan Cara Langsung	279,206,386	321,051,438	512,075,400	578,026,000
	279,206,386	321,051,438	512,075,400	578,026,000
Jumlah Kementerian Sumber Manusia	1,029,492,535	1,135,848,374	1,357,239,300	1,467,578,900

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2021</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2022</i>	<i>Anggaran Asal 2023</i>	<i>Anggaran 2024</i>
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL				
B.47 Kementerian Komunikasi dan Digital - Mengurus	1,029,794,346	888,362,131	991,449,100	1,048,270,300
Emolumen	367,491,813	361,851,534	367,426,900	392,028,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	662,302,533	526,510,597	624,022,200	656,242,300
P.47 Pembangunan	629,847,488	955,111,153	1,745,917,300	1,800,976,500
Cara Langsung	629,847,488	955,111,153	1,745,917,300	1,800,976,500
Jumlah Kementerian Komunikasi dan Digital	1,659,641,834	1,843,473,284	2,737,366,400	2,849,246,800
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT				
B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - Mengurus	2,445,790,165	2,475,388,651	3,196,960,900	3,256,997,500
Emolumen	337,844,154	338,627,595	342,498,500	358,713,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,107,946,011	2,136,761,056	2,854,462,400	2,898,284,100
P.48 Pembangunan	97,574,725	125,902,923	220,187,800	265,784,800
Cara Langsung	97,574,725	125,902,923	220,187,800	265,784,800
Jumlah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,543,364,890	2,601,291,574	3,417,148,700	3,522,782,300
KEMENTERIAN PERTAHANAN				
B.60 Kementerian Pertahanan - Mengurus	11,053,563,023	11,409,205,703	11,414,091,900	12,678,525,900
Emolumen	7,814,688,388	7,839,067,374	8,064,928,200	8,273,006,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,238,874,635	3,570,138,329	3,349,163,700	4,405,519,100
P.60 Pembangunan	4,166,681,856	4,749,277,925	6,332,150,600	7,052,971,800
Cara Langsung	4,166,681,856	4,749,277,925	6,332,150,600	7,052,971,800
Jumlah Kementerian Pertahanan	15,220,244,879	16,158,483,628	17,746,242,500	19,731,497,700
KEMENTERIAN DALAM NEGERI				
B.62 Kementerian Dalam Negeri - Mengurus	12,958,185,688	13,513,283,812	13,803,000,000	13,984,821,600
Emolumen	9,763,244,908	9,935,580,690	9,864,748,900	9,960,320,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,194,940,780	3,577,703,122	3,938,251,100	4,024,501,100
P.62 Pembangunan	2,995,888,513	3,041,616,933	4,713,559,100	5,079,227,800
Cara Langsung	2,995,888,513	3,041,616,933	4,713,559,100	5,079,227,800
Jumlah Kementerian Dalam Negeri	15,954,074,201	16,554,900,745	18,516,559,100	19,064,049,400

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
DAN PEMBANGUNAN**

Maksud Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Anggaran	Anggaran
	Sebenar 2021	Sebenar 2022	Asal 2023	2024
	RM	RM	RM	RM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
B.63 Kementerian Pendidikan - Mengurus	45,319,772,660	48,394,543,644	49,500,000,000	52,790,824,900
Emolumen	39,463,549,776	40,319,118,297	41,751,612,100	43,511,354,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	5,856,222,884	8,075,425,347	7,748,387,900	9,279,470,500
P.63 Pembangunan	2,641,332,773	3,551,037,202	5,690,794,700	5,935,634,700
Cara Langsung	2,641,332,773	3,551,037,202	5,690,794,700	5,935,634,700
Jumlah Kementerian Pendidikan	47,961,105,433	51,945,580,846	55,190,794,700	58,726,459,600
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI				
B.64 Kementerian Pendidikan Tinggi - Mengurus	10,880,108,118	11,542,425,498	11,700,000,000	12,212,788,400
Emolumen	1,179,223,201	1,223,977,728	1,278,525,500	1,282,798,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	9,700,884,917	10,318,447,770	10,421,474,500	10,929,990,300
P.64 Pembangunan	2,415,896,391	2,785,808,248	3,599,105,300	4,126,679,500
Cara Langsung	2,415,896,391	2,785,808,248	3,599,105,300	4,126,679,500
Jumlah Kementerian Pendidikan Tinggi	13,296,004,509	14,328,233,746	15,299,105,300	16,339,467,900
Ringkasan				
